

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-39



BURSA MALAYSIA BERHAD (30632-P)
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965)

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") kali ke-39 Bursa Malaysia Berhad (Syarikat) akan diadakan di Ballroom 1, Tingkat 1, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 31 Mac 2016, pada jam 10.00 pagi untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.
2. Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 18 sen sesaham di bawah sistem satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. **Resolusi 1**
3. Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 69 Tataurus Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
 - (1) Datuk Karownakaran @ Karunakaran a/l Ramasamy **Resolusi 2**
 - (2) Encik Pushpanathan a/l S.A. Kanagarayar **Resolusi 3**
 - (3) Datuk Seri Tajuddin bin Atan **Resolusi 4**
4. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah berjumlah RM150,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM100,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. **Resolusi 5**
5. Untuk melantik Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 6**
6. Untuk melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 1965 dan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri AGM kali ke-39 ini, pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 49A(2) Tataurus Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung setakat 24 Mac 2016. Hanya seorang pendeposit yang namanya terdapat dalam Rekod Pendeposit setakat 24 Mac 2016 sahaja yang layak untuk menghadiri mesyuarat tersebut atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihak beliau.

NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham bagi pembayaran dividen akhir sebanyak 18 sen sesaham di bawah sistem satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 ("Dividen") di bawah Resolusi 1 AGM Syarikat kali ke-39, dividen akan dibayar kepada para pemegang saham pada 18 April 2016. Tarikh kelayakan untuk Dividen tersebut adalah pada 5 April 2016.

Para pemegang saham Syarikat akan layak untuk menerima Dividen untuk:

- (a) sekuriti yang dipindahkan ke dalam akaun sekuriti mereka sebelum jam 4.00 petang pada 5 April 2016 bagi pindahan; dan
- (b) sekuriti yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md. Hashim, LS 006674
Hong Soo Yong, MAICSA 7026744
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
3 Mac 2016